



ANTARA  
warga asing  
yang ditahan.

Oleh Nurul Hidayah  
Bahaudin  
nurul.hidayah@hmetro.com.my

# SOROK DALAM DINDING

*Warga asing cuba elak ditahan dalam serbuan dilakukan imigresen dan polis*

Kuala Lumpur

Cubaan beberapa warga asing melarikan diri dengan menyorok pada ruang dinding yang diubah suai gagal selepas mereka ditahan dalam serbuan dilakukan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di sebuah bangunan di Pudu di sini, kelmarin.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, operasi itu dijalankan secara bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bermula jam 5 petang susulan

operasi penguatkuasaan dan pematuhan di bawah Op Patuh yang dilancarkan oleh Menteri Dalam Negeri.

"Dalam operasi itu, kami memeriksa seramai 245 individu dengan menahan 72 warga asing termasuk 29 wanita dari pelbagai negara berusia antara 25 hingga 50 tahun.

"Ketika pemeriksaan dijalankan, terdapat warga asing yang cuba melarikan diri dan

menyorok pada ruang dinding yang diubah suai. Namun, cubaan itu gagal selepas mereka berjaya dikesan oleh pegawai operasi.

"Selain itu, pegawai operasi terpaksa memecahkan pintu kerana kebanyakan penghuni di rumah yang diperiksa

memberikan kerjasama dan menyorok di dalam rumah dengan mematikan lampu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Khairul Dzaimie berkata, lokasi itu juga dipercayai menjadi sarang pelacuran membabitkan wanita warga asing dan pernah be-

**"Kebanyakan penghuni di rumah yang diperiksa enggan beri kerjasama"**  
Khairul Dzaimie

berapa kali diserbu oleh JIM sebelum ini.

"Pemeriksaan di lokasi mendapati kawasan yang dihuni oleh majoriti warga asing itu bukan sahaja tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), malah dalam keadaan sangat kotor dan tidak teratur.

"Selain itu, kemudahan awam seperti lif, lampu tangga dan koridor tidak berfungsi

dengan baik selain kawasan dalam bangunan dipenuhi sampah serta berbau busuk," katanya.

Beliau berkata, antara kesalihan imigresen yang dikenal pasti dalam operasi itu adalah tidak memilik dokumen perjalanan yang sah, menyalahgunakan pas dan tinggal lebih masa.

"Semua tahanan akan dibawa menjalani ujian saringan Covid-19 sebelum